

DATE: 10/3/2008

# Dr Mahathir beri pandangan prestasi BN

BH-10/3/2008

Oleh Jalal Ali Abdul Rahim

**K**UALA LUMPUR: Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi perlu memikul tanggungjawab sepenuhnya bagi kekalahan teruk yang dialami Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya umum kelmarin.

"Beliau patut memikul tanggungjawab dalam soal ini, seperti mana kemenangan besar-besaran pada 2004 yang dilaporkan disebabkan oleh kewibawaan beliau 100 peratus seperti dikatakan oleh Setiausaha Agung Umno ketika itu.

"Tetapi sekarang beliau juga patut memikul tanggungjawab itu 100 peratus. Beliau telah memusnahkan Umno, beliau telah memusnahkan BN, dan beliau patut bertanggungjawab bagi kekalahan teruk ini," katanya pada sidang beberapa jam selepas keputusan pilihan raya diumumkan, di sini semalam.

(Abdullah tidak pernah mendakwa faktor dirinya menyebabkan kemenangan besar BN pada Pilihan Raya Umum 2004, malah beliau berterima kasih kepada Dr Mahathir kerana meletakkan landasan kerja yang kukuh serta rakannya bekerja keras untuk kemenangan parti).

(Setiausaha Agung Umno ketika itu, Tun Mohd Khalil Yaakob berkata kemenangan itu 99.99 peratus adalah kerana Abdullah).

(Dr Mahathir kecewa dengan kenyataan itu kerana Mohd Khalil tidak memberi kredit kepadanya. Mohd Khalil sekarang ialah Yang di-Pertua Negeri Melaka).

Dr Mahathir berkata, amat mengejutkan bahawa BN tumbang di lima negeri dan Wilayah Persekutuan menerusi isyarat serupa yang ditunjukkan oleh semua tiga kaum utama - Melayu, Cina dan India.

Dr Mahathir juga berkata, beliau akan meletak jawatan jika berada di tempat Abdullah.

Ketika kedudukan Dr Mahathir sebagai Presiden Umno dicabar oleh Tengku Razaleigh Hamzah pada 1987, beliau pernah berkata akan terus kekal pada jawatan itu walaupun menang majoriti satu undi.

Beliau menang tipis dengan majoriti 43 undi dan enggan tunduk kepada desakan supaya meletak jawatan. Untuk rekod, Dr Mahathir yang memilih sendiri Abdullah sebagai penggantinya berbanding Na-



**BERI KOMEN:** Dr Mahathir ketika mengadakan sidang media mengenai keputusan Pilihan Raya Umum ke-12 di rumahnya di The Mines Seri Kembangan, semalam.

jib selepas mempunyai tiga Timbalan Perdana Menteri ketika kepimpinannya.

Pertama, Tun Musa Hitam yang meletak jawatan atas alasan 'perbezaan pendapat yang tidak boleh diselesaikan' pada 1986.

Kedua, Allahyarham Tun Ghafar Baba yang dicabar oleh Penasihat Parti Keadilan Rakyat (PKR), Datuk Seri Anwar Ibrahim dengan persetujuan Dr Mahathir sendiri pada 1993.

Pada 1998, Dr Mahathir memecat Anwar dan melantik Abdullah sebagai Timbalannya pada awal 1999.

Abdullah yang mempunyai latar belakang Islam dan imej sebagai 'Mr Clean' ketika dilihat sebagai calon sesuai untuk mengekang kemarahan terhadap Dr Mahathir berikutan tindakannya memecat Anwar.

Dr Mahathir juga berkata; "Sehari sebelum pengundian, beliau (Abdullah) berkata BN akan sapu bersih".

Dr Mahathir berkata: "Saya tidak faham bagaimana beliau membuat ketetapan itu. Tetapi beliau masih percaya pembangkang hanya mahu meniadakan majoriti dua pertiga BN. Inilah apa yang berlaku".

(Abdullah tidak berkata BN akan menyapu bersih. Beliau dipetik oleh The Star pada 8 Mac sebagai berkata: "Saya yakin ada harapan untuk BN

menang majoriti dua pertiga.")

Bagaimanapun, Dr Mahathir menegaskan, BN masih relevan dan yakin gabungan 14 parti itu akan terus diterima jika ia membuat perubahan berdasarkan isyarat rakyat.

"Terpulang kepada mereka sama ada mahu mendesak atau tidak, tetapi BN masih relevan," katanya sambil menambah Umno juga kekal relevan jika dapat memberi khidmat terbaik kepada negara.

Dr Mahathir berkata, beliau sendiri terkejut BN kalah seteruk itu, walaupun memang meramal sokongan terhadap BN akan berkurangan pada pilihan raya kali ini.

Beliau berkata, kemerosotan sokongan kaum India pula berpunca daripada sikap dan tindak tanduk Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu yang menyekat pemimpin India lain bercakap serta tidak membenarkan parti lain mewakili masyarakat India menyertai BN.

Katanya, akhbar utama juga memaparkan kepimpinan Abdullah sebagai baik, sedangkan beliau mendapati banyak perkara salah berlaku.

"Empat tahun selepas pilihan raya umum lalu, Abdullah melakukan banyak perkara yang salah tetapi mereka ini (media) terus melaporkan betapa rakyat menyayangi-

nya," katanya.

Beliau juga tidak menolak kemungkinan ahli Umno sendiri memberi sokongan terhadap pembangkang kerana tertekan dengan kadar inflasi tinggi dan taraf hidup yang rendah.

Dr Mahathir berkata, Abdullah dimaklumkan ekonomi berkembang enam peratus tetapi kesannya tidak dirasai rakyat. (Untuk rekod, unjuran pertumbuhan ekonomi ditentukan oleh Bank Negara Malaysia).

"Semua ini menyebabkan rakyat pelbagai kaum sangat marah dan jika pilihan raya diadakan tahun depan, keputusannya tetap sama," katanya.

(Pada 1999, selepas Dr Mahathir memecat Anwar, undi Melayu beralih kepada pembangkang. Kemenangan BN banyak dibantu pengundi Cina dan India. Dr Mahathir yang ketika itu Presiden Umno, parti orang Melayu, tidak menawarkan diri untuk meletak jawatan.)

Mengenai kemungkinan beliau kembali aktif dalam politik termasuk mengambil alih kepimpinan Umno jika diminta ahli parti atau menjadi pendesak supaya Abdullah meletak jawatan, Dr Mahathir sambil berseoroh berkata: "Nak ambil alih, tak bolehlah, kalau nak main tepi-tepi bolehlah...dah tua."

Ditanya mengapa beliau sendiri tidak meletak jawatan selepas BN kehilangan banyak kerusi pada pilihan raya umum 1999, termasuk kalah di Terengganu, Dr Mahathir berkata ketika itu BN masih mendapat kepercayaan besar rakyat kerana dapat membentuk kerajaan dengan majoriti dua pertiga.

Mengenai sama ada Anwar masih relevan, Dr Mahathir secara sinis berkata, bekas Timbalan Perdana Menteri itu masih relevan tetapi tidak akan menjadi Perdana Menteri.

Beliau juga berkata, soal masa depan orang Melayu Pulau Pinang selepas negeri itu dirampas DAP pula terletak pada orang Melayu sendiri.

Bagaimanapun, katanya, pembangkang tidak akan mampu menunaikan janji dalam manifesto mereka di negeri yang ditawan.

"Pembangkang buat pelbagai janji yang mereka tahu tidak boleh buat kerana yakin memang (sebelum ini) tidak akan menang. Jadi, saya fikir (pembangkang) tidak mungkin dan boleh buat (tunaikan janji)," katanya.